

Kompleks MAINS bakal dibina di Kuala Pilah

KUALA PILAH 1 Feb. - Kerajaan negeri bercadang membina sebuah Kompleks Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) di sini bagi menempatkan semua pihak berkuasa agama di daerah ini di bawah satu bumbung.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, kompleks tersebut akan dibina di satu kawasan yang akan menjadi pusat sehenti kepada penduduk sekitar untuk mendapatkan perkhidmatan.

"Kompleks itu akan menyediakan perkhidmatan di bawah satu bumbung seperti jabatan agama Islam, baitulmal, pusat zakat dan lain-lain lagi.

"Kompleks seumpama itu sedang dibina di Jempol serta Jelevu dan pembinaannya sudah hampir siap," katanya ketika

berucap merasmikan Karnival Kesihatan di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Datuk Norhayati Omar dan Ahli Parlimen Kuala Pilah yang juga Duta Besar Malaysia ke Kemboja, Datuk Seri Hasan Malek.

Karnival yang menawarkan pemeriksaan kesihatan, ujian tekanan darah, klinik mata bergerak dan perkhidmatan pelbagai agensi kerajaan dihadiri kira-kira 700 orang pengunjung.

Sementara itu, Mohamad berkata, kerajaan negeri akan menganjurkan lebih banyak Karnival Kesihatan di seluruh negeri ini bagi memastikan rakyat mendapat kemudahan dan khidmat nasihat berkaitan

kesihatan.

Katanya, karnival itu menepati konsep menawarkan perkhidmatan yang diperkenalkan kerajaan negeri kerana ia terbukti memudahkan rakyat terutama golongan tua dan kurang berkemampuan.

"Sebab itulah kita bawa doktor pakar untuk menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat di kawasan pedalaman kampung, estet dan kampung baharu. Kita tahu ramai yang susah untuk berjumpa doktor pakar kerana mereka ini berada di bandar," katanya.

Beliau juga mengingatkan orang ramai supaya mengamalkan gaya hidup sihat untuk membolehkan mereka menikmati kualiti hidup tanpa perlu bergantung kepada orang lain.



MOHAMAD HASAN menjalani pemeriksaan tekanan darah sambil diperhatikan oleh Hasan Malek (belakang, dua dari kanan) selepas merasmikan Karnival Kesihatan Sihat dan Seimbang di Dewan Dato' Bahaman, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, semalam. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID